



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 JUN 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-------------------------------------|--|--|
| 1. 2. 3. | LAMBAKAN HASIL TANI LEBIH BESAR DARI DIANGKA, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24 AGIH TIGA TAN PISANG BERANGAN DI KAWASAN PKPD, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24 AGIH 3 TAN PISANG BERANGAN, LOKAL, HM -21 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 4. 5. 6. | FISHERIES DEPT: SHARK SOLD AT SABAH MARKET NOT BELONG TO ENDANGERED SPECIES, NATION, SIN CHEW DAILY -20 SALE OF SAHRKS AT SUPERMARKET GOES VIRAL ON SOCIAL MEDIA, NEWS, GUANG MING DAILY -A2 FISHERY DEPT: SHARKS SOLD IN SUPERMARKET NOT ENDANGERED, NATION, CHINA PRESS -A7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. 8. 9. 10. 11. 12. | SIN CHEW, ONLINE IMPORT LEMBU, KERBAU DARI THAILAND DIGANTUNG SERTA MERTA, SH -ONLINE IMPORT LEMBU, KERBAU THAILAND DIGANTUNG AKIBAT LSD, NEGARA, KOSMO -7 IMPORT LEMBU, KERBAU THAILAND DIGANTUNG, NASIONAL, BH -18 IMPORT LEMBU, KERBAU DARI THAILAND DIGANTUNG, DALAM NEGERI, UM -28 IMPORT LEMBU THAILAND DIGANTUNG, NASIONAL, SH -13 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 13. 14. 15. | 42 PASAR SEGAR TERKAWAL FAMA CATAT NILAI JUALAN RM18.9 JUTA, NASIONAL, SH -13 'BOLEH BERNIAGA, TAPI TAK BOLEH RENTAS NEGERI AMBIL DURIAN', SH -ONLINE PENIAGA KECEWA TIDAK BOLEH RENTAS NEGERI AMBIL STOK BUAH DURIAN, NASIONAL, SH -8 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16. 17. | THE TALE OF A PAW-SITIVE FRINDSHIP, NATION, THE STAR -4 AKUAPONIK BERTANI TANPA TANAH, K2, KOSMO -24 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|----------------------------|------------|
| 9/6/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL | 24 |

Lambakan hasil tani lebih besar dari dijangka

Libatkan pisang, jagung, ubi kayu dan cili bernilai RM503,770

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam mengesan terdapat 175.9 tan metrik lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di daerah itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pegawai Pertanian Daerah Sabak Bernam, Aini Waznati Lasuan berkata, ia melibatkan lima jenis komoditi pertanian iaitu pisang berangan sebanyak 105.1 tan, pisang tanduk (59.5 tan) dan jagung (3.6 tan).

Menurutnya, hasil pertanian lain yang terkesan ialah ubi kayu (30 tan) dan cili (1.47 tan) dengan nilai keseluruhan lambakan berjumlah RM503,770.



AINI WAZNATI

“Kesemua lambakan hasil pertanian ini membabitkan 41.51 hektar tanaman dengan membabitkan seramai 29 petani di daerah Sabak Bernam,” katanya ketika ditemui di Pusat Kawalan Operasi Bencana Taman Pertama di sini pada Selasa.

Aini Waznati berkata, pihaknya telah membantu petani terbahit dengan menguar-uarkan hasil pertanian berkenaan kepada penduduk di sekitar Lembah Klang yang merupakan pasaran jualan terbesar.

“Penduduk di kawasan kejiranan di bandar seperti di pangsapuri atau di taman perumahan akan mengumpul tempahan untuk diberi kepada peniaga pasar tani yang kemudian akan mengambil bekalan dan seterusnya menghantar ke kawasan terbabit,” katanya.

Beliau memberitahu, melalui kaedah itu, sebanyak 10 tan pisang berangan dan pisang tanduk dapat dijual dalam tempoh dua minggu.

“Hebahan penjualan (pisang berangan dan tanduk) ini turut dilakukan di Facebook dan kumpulan



Laporan portal Sinar Harian pada Isnin.

WhatsApp,” jelasnya.

Tambah beliau, ada juga petani di daerah itu yang menjual hasil lambakan pertanian secara dalam talian di platform Shopee.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan Agro Prihatin Selangor menerima 11 aduan berhubung lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di tiga daerah di negeri ini iaitu Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Agih tiga tan pisang berangan di kawasan PKPD

SABAK BERNAM - Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam mengagihkan tiga tan metrik pisang berangan di tiga taman perumahan di daerah itu yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pegawai Daerah Sabak Bernam, Amri Ismail berkata, inisiatif itu dilak-

kukan bagi membantu petani menangani masalah lambakan pisang berangan di daerah ini.

Menurutnya, usaha itu berjaya mengurangkan beban ditanggung petani dalam tempoh PKP.

“Ia bukan sahaja berjaya menangani lambakan pisang berangan, te-

tapi membantu petani mendapatkan kembali modal,” katanya ketika ditemui di Pusat Kawalan Operasi Bencana Taman Pertama di sini pada Selasa.

Tiga taman perumahan yang dikenakan PKPD ialah Taman Pertama, Taman Serendah dan Taman Prima sejak 30 Mei lalu.



AINI WAZNATI (kiri) bersama Amri menunjukkan pisang berangan yang akan diagihkan kepada penduduk Taman Pertama, Taman Serendah dan Taman Prima di Sabak Bernam.

Agih 3 tan pisang berangan

Sabak Bernam: Sebanyak tiga tan pisang berangan yang mengalami masalah lambakan diagihkan kepada penduduk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertketatkan (PKPD) Taman Pertama, Taman Serendah dan Taman Prima, di sini, semalam.

Pegawai Pertanian Sabak Bernam Aini Waznati La-suan berkata, selain itu, ia juga diagihkan ke pejabat kerajaan, klinik kesihatan, balai polis dan sekatan jalan raya (SJR) di Sabak Bernam.

Katanya, agihan itu inisiatif Jabatan Pertanian Sabak Bernam melalui program

promosi hasil pertanian bagi membantu mengatasi masalah lambakan di daerah ini.

"Pada 3 Jun lalu, Jabatan Pertanian Negeri Selangor membuat program sama dengan mengagihkan 2.5 tan pisang ke pejabat kerajaan, balai polis, hospital dan penjara di Lembah Klang.

"Untuk makluman, lambakan hasil pertanian ini bukan sahaja melambatkan pisang berangan dan pisang tanduk, tetapi juga jagung, ubi kayu dan cili.

"Jumlah keseluruhan tanaman sebanyak 175.9 metrik tan membabitkan pisang berangan (105.1 metrik tan), pi-

sang tanduk (59.5 metrik tan), jagung (3.6 metrik tan), ubi kayu (30 metrik tan) dan cili (1.47 metrik tan).

Ia membabitkan 29 petani di Sabak Bernam dengan membabitkan keluasan 41.51 hektar tanaman komoditi. Anggaran keseluruhan nilai hasil pertanian itu berjumlah RM502,770.

"Ini yang dilaporkan (Jabatan Pertanian Sabak Bernam) tetapi sebenarnya ada ramai (yang tidak melaporkan hasil lambakan)," katanya pada sidang media di sini.

Hadir sama, Pegawai Daerah Sabak Bernam, Amri Ismail.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Fisheries Dept: Sharks sold at Sabah market not belong to endangered species | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jun 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 20 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 105 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,163 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,489 |



沙超市售鯊魚惹議 漁業局：不屬瀕危品種

（亚庇8日讯）沙巴州农业及渔业部今日证实，日前在哥隆邦一间超级市场内售卖的鲨鱼，并非属于被列为濒危的鲨鱼品种。

州农业及渔业部长拿督杰菲里吉丁岸今日指出，沙巴渔业局已就日前网传一间超市售卖鲨鱼一事展开调查，证实该超市售卖的鲨鱼不属濒危品种。

他表示，相片中售卖的鲨鱼属黑鳍鲨（*Carcharhinus sorrah*）及长吻鲨（*C. bresipinna*）品种，也是州内渔民时会捕到的鲨鱼品种。

“根据1985年渔业法令及2008年濒危物种国际贸易法令，这两个品种的鲨鱼均未被列入濒危的物种名单中。”

他说，这也意味捕获和出售这两个品种的鲨鱼的行为没有违法。

也是州副首长的杰菲里针对日前有民众质疑超市售卖鲨鱼的行为，是否构成违法行为一事发表文告，这么表示。



魚，引发了争议。哥隆邦一间超级市场日前被发现售卖。

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Sale of sharks at supermarket goes viral on social media | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jun 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A2 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 228 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,434 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,302 |



網傳超市賣鯊魚 沙部長：不屬受保護品種

■市內一間超市日前
被發現售賣鯊魚，備
受批評。

（亞庇8日訊）針對網傳超市售賣鯊魚一事，沙巴州農業及漁業部今日表示，沙巴漁業局已展開調查，證實在哥隆邦一間超級市場內售賣的鯊魚，不屬瀕危品種。

州農業及漁業部長拿督杰菲里吉丁岸發表文告表示，相片中售賣的鯊魚屬黑鰐鯊（*Carcharhinus sorrah*）及長吻鯊（*C. brevipinna*）品種，也是州內漁民時而會捕到的鯊魚品種。



他指出，根據1985年漁業法令及2008年瀕危物種國際貿易法令，這兩個品種的鯊魚均未列入瀕危的物種名單。這也意味著，捕獲和出售這兩個品種的鯊魚不違法。

可販賣黑鰐鯊長吻鯊

杰菲里也是州副首長，他今日發表文告針對日前有民眾質疑超市售賣鯊魚的行為是否構成違法行為一事置評時，這麼表示。

他強調，沙巴漁業局將通過執法部門繼續進行檢查、巡邏及監督捕撈作業，同時也會持續監測魚市和超市。此舉是為了確保有效管理包括鯊魚和魷魚在內的魚類資源。

目前我國海域共有超過150種鯊魚和魷魚，當中只有12種在1985年漁業法

令，以及64種在2008年瀕危物種國際貿易法令下被列為瀕危物種。

被列為受保護的鯊魚品種包括鯨鯊及雙髻鯊，至於魷魚方面則分別是鋸鰩和蝠魷。

在1985年漁業法令下，民眾不允許捕撈、擁有、運輸、銷售及出口等在该法令下被列為瀕危物種的品種，一旦罪成，可被判罰款不超過2萬令吉或監禁不超過2年或兩者兼施。

至於在2008年瀕危物種國際貿易法令被列為瀕危物種，則允許進行國內使用的用途，除非相關物種在漁業法令下被列為瀕危物種。

沙巴州在國際貿易管制方面把關嚴厲，甚至不允許出口至西馬、砂拉越及納閩，一旦被發現及罪成，可被判罰款最高100萬令吉或監禁最多7年或兩者兼施。（BPK）

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Fishery dept : Sharks sold in supermarket not endangered | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jun 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A7 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 212 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,182 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,546 |



哥隆邦超市售賣鯊魚 證實非瀕危品種

(亞庇7日讯)沙巴州农业及渔业部证实，日前在哥隆邦一间超级市场内售卖的鲨鱼，并非属被列为濒危的鲨鱼品种。

沙巴副首长兼州农业及渔业部长拿督斯里杰菲里吉丁岸指出，沙巴渔业局已就日前网传超市售卖鲨鱼一事展开调查，证实该超市售卖的鲨鱼不属濒危品种。

他昨日在文告解释，照片中售卖的鲨鱼属黑鳍鲨 (Carcharhinus sorrah) 及长吻鲨 (C. brevipinna) 品种，也是州内渔民不时会捕到的鲨鱼品种。

“根据1985年渔业法令及2008年濒危物种国际贸易法令，这两个品种的鲨鱼均未被列入濒危的物种名单中，意味捕获这两种鲨鱼不属违法。”

他也强调，沙巴渔业局将通过执法部门继续进行检查、巡逻及监督捕捞作业，同时也会持续监测鱼市和超市。

民众不允捕捞

他说，此举是为了确保有效管理包括鲨鱼和鲷鱼在内的鱼类资源。

目前大马海域共有超过150种鲨鱼和鲷鱼，当中只有12种在1985年渔业法令，以及64种在2008年濒危物种国际贸易法令下被列为濒危物种。

被列为受保护的鲨鱼品种包括鲸鲨及双髻鲨，至於鲷鱼方面则分别是锯鳐和蝠鲼。

在1985年渔业法令下，民众不允许捕捞、拥有、运输、销售及出口等在该法令下被列为濒危物种的品种，一旦罪成，

可被判罚款不超过2万令吉或监禁不超过2年或两者兼施。

沙巴州在国际贸易管制方面把关严厉，甚至不允许出口至西马、砂拉越及纳闽，一旦被发现及罪成，可判罚款最高100万令吉或监禁最多7年或两者兼施。

Has anyone seen sharks being sold in Bataras supermarket as below? If so pls take picture and inform me location. Thank you

Seems it was at Dataras Kolombong. They have apologised but what a big mistake on their part

可爱的鲨鱼宝宝就在Bataras 🐡

我什么都没有讲啊 😊

Cute baby shark right here in Bataras 🐡

I didn't say anything 🙄



■哥隆邦一间超市日前被发现售卖鲨鱼，引起争议。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|----------|---------|------------|
| 9/6/2021 | SIN CHEW | ONLINE | |

兽医局：防牛结节疹疾病·暂停进口泰牛肉

全国综合

+ 关注

广告

(八打灵再也8日讯) 大马兽医服务局 (DVS) 宣布, 我国决定暂停从泰国进口牛肉和水牛肉, 以降低牛结节疹疾病 (LSD) 可能从泰国传播至我国的风险, 以及保护我国动物养殖业的利益。

该局今日发文告指出, 据悉牛结节疹疾病 (LSD) 已蔓延到了包括泰国在内的41个国家, 有鉴于此, 该局决定暂停从泰国进口牛肉和水牛肉。

该局也呼吁所有相关行业的业者, 包括进口商、中介商和饲养员给予合作, 取消与泰国供应商的牛肉和水牛肉预订。

该局指出, 如果农场中有牛或水牛出现牛结节疹疾病的感染症状, 业者必须立即向附近州属及地区的兽医局举报, 以采取控制和预防措施。

“尽管牛结节疹疾病不会感染到人类, 但将对动物养殖业将造成经济影响, 其中将导致受感染的动物体重减轻、产奶量减少、流产和不孕。”

文告说, 该局也寻求了大马边境监管机构 (AKSEM)、大马检疫及检验局 (MAQIS)、与关税局的合作, 以加强大马与泰国的边境监管, 防止泰国的牛肉和水牛肉进口我国。

广告

文章来源：星洲日报

作者：吕韦翰

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 9/6/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Import lembu, kerbau dari Thailand digantung serta-merta



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggantung pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta-merta. -Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggantung pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta-merta.

Menerusi satu kenyataan, JPV berkata, keputusan itu dibuat selepas penilaian risiko mendapati penyakit kulit berbonjol atau 'Lumpy Skin Disease' (LSD) telah menular ke 41 wilayah di negara itu.

"Ketetapan ini diambil bagi membendung risiko penularan penyakit LSD dari Thailand demi kepentingan industri penternakan ruminan negara," kata kenyataan tersebut pada Selasa.

Menurut jabatan itu, semua pemain industri terdiri daripada pengimport, peraih dan penternak diminta untuk memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan dengan pihak pembekal di Thailand.

"Sebagai usaha membanteras kemungkinan penyeludupan lembu dan kerbau daripada negara Thailand, JPV telah mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) untuk mempertingkatkan kawal selia di sepanjang sempadan, selain kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk pertingkatkan pemeriksaan di pintu masuk," katanya.

JPV berkata, pemain industri juga dinasihatkan supaya segera melaporkan kepada pihak berkuasa veterinar berdekatan sekiranya terdapat gejala LSD pada lembu dan kerbau.

"Walaupun penyakit LSD tidak zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia, namun ia memberi kesan ekonomi kepada industri penternakan ruminan akibat penurunan berat badan, penurunan pengeluaran susu, keguguran dan kemandulan terhadap ternakan yang dijangkiti," katanya.

LSD mula dikesan menular di beberapa negara Asia termasuk di India, Bangladesh, Nepal, Bhutan, China, Vietnam, Myanmar dan terkini di Thailand.

Penyakit itu disebabkan oleh virus Poxviridae dan boleh tersebar kepada ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkenit serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung lembu yang dijangkiti.

Import lembu, kerbau Thailand digantung akibat LSD

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengantung pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta-merta susulan jangkitan wabak Lumpy Skin Disease (LSD) atau penyakit kulit kentel.

JPV dalam satu kenyataan memberitahu, langkah drastik itu diambil selepas LSD dilaporkan melanda lebih 41 wilayah di negara berkenaan pada ketika ini.

"Ketetapan ini diambil bagi

membendung risiko serius penularan LSD daripada Thailand demi kepentingan industri penternakan ruminan negara," katanya.

Ujarnya, semua pemain industri memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan daripada pembekal negara itu.

"Meraka juga dinasihatkan supaya segera melaporkan kepada pejabat JPV di negeri atau daerah berdekatan sekiranya ada ternakan di kandang atau ladang me-

nunjukkan gejala LSD," ujarnya.

Katanya, walaupun LSD bukan bersifat zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia, namun ia boleh memberi kesan besar ekonomi kepada industri ruminan tanah air.

"Ini termasuk kerugian akibat penurunan berat badan selain isu penurunan pengeluaran susu, keuguran kandungan dan ke-mandulan ternakan yang dijangkiti wabak berkenaan," katanya.



PEMAIN Industri diminta membatalkan tempahan ternakan lembu dan kambing dari Thailand akibat penyakit LSD. – GAMBAR HIASAN

Elak penulatan penyakit LSD

Import lembu, kerbau Thailand digantung

MAQIS, AKSEM

pertingkat kawalan elak seludup ternakan

porikan memular di lebih 41 wilayah di Thailand.

Katanya, ketetapan itu diam-bil bagi membanding risiko penulatan penyakit LSD dari Thailand, demi kepentingan industri penternakan ruminan negara.

"JPV juga meminta semua penggiat industri (pengimport, perah dan penternak) memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan dengan pihak pembekal lembu dan kerbau Thailand.

"Penggiat industri juga dinasihatkan segera melaporkan kepada JPV di negeri dan daerah masing-masing, jika terdapat lembu dan kerbau di ladang atau kandang menunjukkan gejala jangkitan LSD untuk tindakan kawalan dan pencegahan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan lembu yang disahkan positif LSD akan dimusnahkan segera bagi mengelakkan penularan virus

berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dilaporkan berkata, kandang yang mempunyai ternakan dijangkiti virus itu pula akan diletakkan di bawah pengawasan rapi JPV.

Langkah itu, katanya, bertujuan memastikan tiada ternakan dibawa keluar atau dijual, sehingga memperoleh pengesahan serta kebenaran daripada JPV.

Mengulas lanjut, JPV memaklumkan walaupun penyakit LSD tidak zoonotik (tidak menjangkiti manusia), ia boleh memberi kesan ekonomi kepada industri penternakan ruminan dan kerugian akibat penurunan berat badan, penurunan pengeluaran susu, keguguran dan kemandulan pada ternakan yang terjangkit.

Katanya, sebagai usaha membanteras kemungkinan penye-



Lembu yang diimport dari Thailand dikesan mempunyai gejala LSD.

(Foto Ihsan MAQIS)

April lalu.

Beliau berkata, jumlah lembu yang dikesan dijangkiti penyakit itu masih 42 ekor dan sehingga kini semua lembu itu masih di-kuarantin di stesen Bukit Kayu Hitam.

"Ini berikutan kerajaan meng-gantung serta-merta pengim-portan lembu dan kerbau dari Thailand selepas menilai risiko penulatan penyakit LSD yang se-makin aktif di negara itu.

"Selain itu, semua permoho-nan permit lembu hidup yang belum digunakan turut akan dibatalkan," katanya ketika di-hubungi di sini, semalam.

hidupan lembu dan kerbau dari Thailand, JPV bekerjasama agensi berkaitan iaitu Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi mempertingkatkan kawal selia di sepanjang sempadan Malaysia Thailand.

Sementara itu, Pengarah MA-QIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata, pihaknya tidak menge-san sebarang penambahan kes penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) pada 1,434 lembu yang di-import dari Thailand, sejak 26

Import lembu, kerbau dari Thailand digantung

Cikah AMREE AHMAD
utusannews@mediamajilid.com.my

PUTRAJAYA: Tiada lagi import lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta merta.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), pihaknya mengambil tindakan segera itu sebagai susulan jangkitan wabak Lumpy Skin Disease (LSD) atau penyakit kulit kental yang dilaporkan melanda lebih 41 wilayah di negara berkenaan ketika ini.

"Ketetapan ini diambil bagi membendung risiko serius penularan LSD daripada Thailand demi kepentingan industri penternakan ruminan negara," kata JPV menerusi kenyataan semalam.

Agensi ini turut menyeru semua pemain industri meliputi pengimport, perah dan penternak, agar memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan daripada pembekal negara itu.

Meraka juga dinasihatkan supaya segera melaporkan kepada pejabat JPV di negeri atau daerah berdekatan sekiranya ada terdapat di kandang atau ladang menunjukkan gejala LSD.

Ujar kenyataan agensi tersebut, walaupun LSD bukan bersifat zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia, namun, ia boleh memberi kesan besar ekonomi kepada industri ruminan tanah air.



KEADAAAN lembu yang diserang penyakit kulit kental atau lumpy skin disease (LSD). - SUMBER INTERNET

"Ini termasuk kerugian akibat penurunan berat badan selain isu penurunan pengeluaran susu, keguguran kandungan dan kemundulan ternakan yang dijangkiti wabak berkenaan," kata JPV.

Pada masa sama, sebagai usaha pembanterasannya kemungkinan ada penyetupan lembu dan kerbau dari Thailand, agensi itu turut akan mendapatkan kerjasama daripada pelbagai pihak. Ia meliputi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Akssem) bagi mempertingkatkan kawal selia di sepanjang perbatasan Malaysia-Thailand terutama menjelang Hari Raya Aidiladha kelak.

Tidak ketinggalan kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di setiap pintu sempadan negara.

Import lembu Thailand digantung

JPV buat leputusan selepas penyakit LSD menular ke 41 wilayah di negara jiran

Oleh **TUAN BUQHAI RAH** dan **TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggantung pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta-merta.

Menerusi satu kenyataan, JPV berkata, keputusan itu dibuat selepas penilaian risiko mendapati penyakit kulit kental (LSD) telah menular ke 41 wilayah di negara ber-

kean.

"Ketetapan ini diambil bagi membendung risiko penularan penyakit LSD dari Thailand demi kepentingan industri penternakan ruminan negara," kata kenyataan tersebut pada Selasa.

Menurut jabatan itu, semua pemain industri terdiri daripada pengimport, peraih dan penternak diminta memberi kerjasama dengan membatalkan tempahan dengan pihak pembekal di Thailand.

"Sebagai usaha membantaras kemungkinan penyeludupan lembu dan kerbau dari negara Thailand, JPV telah mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Akssem) untuk mempertingkatkan kawal selia di sepanjang sempadan selain kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk mempertingkatkan pemeriksaan di pintu masuk," kata kenyataan itu lagi.

Menurut kenyataan itu, pemain industri juga dinasihatkan segera melaporkan kepada pihak berkuasa veterinar berdekatan sekiranya terdapat gejala LSD pada lembu dan kerbau.

"Walaupun penyakit LSD tidak zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia namun ia memberi kesan ekonomi



Penyakit LSD yang menyerang lembu ternakan telah menular ke 41 wilayah di Thailand.

kepada industri penternakan ruminan akibat penurunan berat badan, penurunan pengeluaran susu, serta keguguran dan kemandulan terhadap ternakan yang dijangkiti," kata kenyataan itu.

LSD mula dikesan menular di beberapa negara Asia termasuk India, Bangladesh, Nepal, Bhutan, China, Viet-

nam, Myanmar dan terkini di Thailand.

Penyakit itu disebabkan oleh virus *Poxviridae* dan boleh tersebar kepada ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkent serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung lembu yang dijangkiti.



Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat.

42 pasar segar terkawal FAMA catat nilai jualan RM18.9 juta

PUTRAJAYA - Sebanyak 42 pasar segar terkawal (PST) seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 merekodkan nilai jualan RM18.9 juta dalam tempoh 25 Mei hingga 4 Jun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, 42 PST berkenaan memberi ruang kepada 348 petani dan 6,879 usahawan untuk memasarkan produk ketika pelaksanaan PKP 3.0 dalam masa yang sama memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan antara lima hingga 20 peratus.

Menurutnya, setiap PST mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk industri kecil dan sederhana (IKS), barangan runcit dan penjualan makanan dibungkus.

"MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian

bekalan makanan termasuk mengurus isu lambakan antaranya melalui pelaksanaan PST di lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena tinjauan di dua lokasi PST iaitu MyFarm Outlet di Putrajaya dan Pusat Operasi FAMA di Dengkil.

Lawatan itu turut disertai Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, MAFI akan terus memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil kerana sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu.

Katanya, sebanyak 76,869 surat kebenaran telah dikeluarkan MAFI untuk sektor pertanian tidak formal setakat Ahad



Ronald (kiri) melawat PST Dengkil pada Isnin.

termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

"Bagi sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilang, pengeluar produk atau industri makanan, pengusaha perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Sistem Pengurusan Pintar Covid-19 (CIMS 3.0) di bawah

selian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)," katanya.

Ronald berkata, FAMA telah mewujudkan bilik gerakan yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 7 malam bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa pelaksanaan sekatan penuh fasa pertama.

Bagi petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian boleh melayari portal FAMA Feedback Sys-

tem di <http://fffs.fama.gov.my/aduan/> atau hubungi talian hotline FAMA di 019-747 6754/013-377 7100/010-763 2684.

Sementara itu, petani, Zainal Marlan, 42, berkata, PST amat membantu petani ketika tempoh mencabar ini dengan memberi platform untuk berniaga sejak PKP 1.0 yang dilaksanakan Mac tahun lalu.

"PST ini dapat memastikan petani terus berniaga dan sedikit sebanyak mengurangkan kerugian kerana hasil tanaman yang rosak ekoran PKP.

"Ia juga dapat memenuhi permintaan penduduk setempat untuk membeli barangan keperluan tanpa perlu bersesak bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19," katanya ketika ditemui di PST Dengkil.

Menurutnya, walaupun pendapatan kali ini merosot kira-kira 30 peratus berbanding ketika beroperasi pada PKP 1.0 memandangkan lebih banyak premis perniagaan serta kedai dibuka, Zainal mencuba kaedah jualan lain termasuk jualan dalam talian dan perkhidmatan bayar ketika barang dihantar (COD). - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 9/6/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

'Boleh berniaga, tapi tak boleh rentas negeri ambil durian'



Hasrat Mohd Faisal untuk berniaga durian tahun ini terbantut seketika selepas tidak mendapat kebenaran merentas negeri untuk mengambil durian di Johor.

SHAH ALAM - Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh dilihat memberi kesan kepada kumpulan peniaga kecil termasuk penjual buah durian apabila mereka gagal mendapatkan kelulusan merentas negeri bagi mendapatkan bekalan raja buah tersebut.

Walaupun diberi kebenaran membuka gerai, namun kebanyakan mereka gagal mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merentas negeri, sekali gus menyebabkan peniaga bermusim ini terbantut untuk menjalankan perniagaan.

Malah lebih parah apabila golongan pekebun durian juga terpaksa berhadapan situasi sukar kerana jualan berkurangan dan terpaksa menyerap kerugian kerana buah tidak laku.



Bagi seorang peniaga durian, Mohd Faisal Mohd Said, 32, pelaksanaan kawalan menyeluruh PKP 3.0 menyebabkan dia gagal untuk menambah pendapatan sampingan dengan menjual durian di Alam Impian, Shah Alam, Selangor. Mohd Faisal

Katanya, perniagaan yang dilakukan bersama adiknya, Syafiq Mohd Said gagal dimulakan pada masa terdekat ini ekoran kegagalan mendapat kelulusan MITI untuk merentas negeri.

Anak kelahiran Kelantan itu berkata, pendapatannya juga semakin berkurangan apabila perniagaan kereta sewa yang diusahakannya di Kota Bharu juga sedikit terjejas ekoran pandemik Covid-19.

Katanya, usaha membuka Gerai Durian Shah di Shah Alam, Selangor di tepi jalan merupakan alternatif bersama dia dan adiknya menambah pendapatan bagi menyara keluarga.

Namun kali ini katanya, kegagalan memperoleh surat kelulusan merentas negeri daripada MITI menyebabkan dia tidak boleh keluar dari Kelantan bagi mendapatkan stok buah durian di Johor.

"Apabila PKP 3.0 secara menyeluruh ini dilaksanakan, saya dan adik tidak dapat berniaga durian kerana tidak boleh merentas negeri untuk mengambil stok durian di Johor.

"Saya sudah mohon surat dengan MITI tetapi gagal. Mungkin Julai nanti jika PKP penuh sudah dilonggarkan, kami ingin ke Johor mengambil stok buah durian di sana dan mungkin akan mula berniaga pada bulan tersebut," katanya sedikit hiba kepada Sinar Harian pada Isnin.



Gerai Durian Shah yang biasanya dibuka di Alam Impian, Shah Alam.

Media sebelum ini melaporkan peniaga durian di Pulau Pinang mengalami kerugian ekoran lambakan durian yang gagal dijual disebabkan pelaksanaan 'total lockdown'.

Ekoran itu, ramai kalangan peniaga durian merungut dan meluahkan rasa kebimbangan mereka di media sosial, sekaligus menarik perhatian media melaporkan isu tersebut.



Namun di sebalik isu itu, terdapat juga komen netizen yang menyatakan harga yang dijual di negeri tersebut adalah sangat mahal.

Sinar Harian difahamkan harga durian kampung yang dijual adalah sekitar RM15 sekilogram, berbanding harga pasaran bukan waktu kemuncak adalah sekitar RM6 atau RM7 sekilogram. Namun harga durian kahwin adalah mengikut gred masing-masing.

Sementara itu, seorang lagi peniaga durian, Rizky Adri Zainin Tawa, 28, berkata, pelaksanaan PKP 3.0 secara penuh pada mulanya agak membimbangkan dirinya kerana gagal mendapatkan surat kelulusan pergerakan daripada MITI.

Namun begitu menurutnya, dia bernasib baik apabila berjaya mendapat surat kelulusan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk bergerak ke Johor bagi mendapatkan buah durian daripada pekebun.

"Saya menjangkakan untuk mula berniaga pada Julai ini apabila harga menjadi sedikit murah ekoran buah yang semakin banyak di pasaran, seterusnya boleh menjual dengan lebih rendah kepada pembeli.



Gerai buah Rizky Durian di Taman Medan, Selangor.

"Mungkin ia juga masa yang tepat apabila kes Covid-19 juga berkurangan dan orang ramai boleh kembali keluar rumah membeli durian. Bagi memudahkan pelanggan, saya juga menjual secara dalam talian yang menggunakan perkhidmatan delivery Foodpanda.my dan menerusi ejen dengan menawarkan harga yang sangat berpatutan," katanya yang berniaga di Jalan PJS 2, Petaling Jaya, Selangor.

Peniaga kecewa tidak boleh rentas negeri ambil stok buah durian

SHAH ALAM - Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh dilihat memberi kesan kepada kumpulan peniaga kecil termasuk penjual buah durian apabila mereka gagal mendapatkan kelulusan merentas negeri bagi mendapatkan bekalan Raja Buah tersebut.

Walaupun diberi kebenaran membuka gerai, namun kebanyakan mereka gagal mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merentas negeri, sekaligus menyebabkan peniaga bermusim ini terbantu untuk menjalankan perniagaan.

Lebih parah apabila golongan pekebun durian juga terpaksa menghadapi situasi sukar kerana jualan berkurangan dan terpaksa menye-

rap kerugian kerana buah tidak laku.

Bagi seorang peniaga, Mohd Faisal Mohd Said, 32, pelaksanaan kawalan menyeluruh PKP 3.0 menyebabkan dia gagal untuk menambah pendapatan sampingan dengan menjual durian di Alam Impian, Shah Alam, Selangor.

Katanya, perniagaan yang dilakukannya bersama adiknya, Syafiq Mohd Said gagal dimulakan pada masa terdekat ini ekoran kegagalan mendapatkan kelulusan MITI untuk merentas negeri.

"Apabila PKP 3.0 secara menyeluruh ini dilaksanakan, saya dan adik tidak dapat ber-niaga durian kerana tidak boleh merentas negeri untuk mengambil stok durian di Johor.

"Saya sudah mohon surat dengan MITI tetapi gagal. Mungkin Julai nanti jika PKP



Hassrat Mohd Faisal (kiri) untuk berniaga durian tahun ini terbantu sekedua selepas tidak mendapat kebenaran merentas negeri untuk mengambil durian di Johor.

penuh sudah dilonggarkan, kami ingin ke Johor mengambil buah durian di sana dan mungkin akan mula berniaga pada bulan tersebut," katanya.

Media sebelum ini melaporkan peniaga durian di Pulau

Pinang mengalami kerugian ekoran lambakan durian yang gagal dijual disebabkan pelaksanaan *total lockdown*.

Ekoran itu, ramai kalangan peniaga durian merungut dan meluahkan rasa kebimbangan.

mereka di media sosial, sekaligus menarik perhatian media melaporkan isu tersebut.

Namun di sebalik isu itu, terdapat juga komen netizen yang menyatakan harga yang dijual di negeri tersebut adalah sangat mahal.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Rizky Adri Zamin Tawa, 28, berkata, pelaksanaan PKP 3.0 secara penuh pada mulanya agak membimbangkan kerana gagal mendapatkan surat kelulusan pergerakan daripada MITI.

Namun menurutnya, dia bernaib baik apabila berjaya mendapat surat kelulusan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk bergerak ke Johor bagi mendapatkan buah durian daripada pekebun.

The tale of a paw-sitive friendship

Frontliners rush to aid of dog that kept them company during long MCO shifts

By YEE XIANG YUN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: For more than a year, a brown female dog faithfully accompanied frontliners on duty at the KM16 Jalan Kulai-Kota Tinggi roadblock, set up since the first movement control order in March last year.

Taken by the mongrel's calm and friendly nature, one of the policemen, Kpl Mohd Faizdul Ishak, named her "Jonny".

For him and his colleagues Konst Hanif Farhan Mohd Norizan and Konst Mohd Syawaludin Moslim, Jonny proved to be a valuable companion, especially through those cold and quiet graveyard shifts.

"One day, she came out of the oil palm plantations nearby and came near our roadblock tent. She never entered the tent and would just sit close by and watch us work daily.

"It became a routine and we would often feed her whatever food we had, such as chicken and rice, as she does not like eating dog food," Kpl Faizdul, 33, told *The Star*.

"Her presence was a comfort for us, especially during our roadblock shifts from 4pm to midnight and from midnight to 8am. We would play chase with her and she kept us entertained."

He added that they always wore gloves when interacting with Jonny.

But things took a turn for the

worse when the off-duty Kpl Faizdul received a call from a colleague at midnight on May 29, informing him that a wounded Jonny was found in some bushes nearby, presumably injured from an accident.

"My colleagues were too afraid to move her. Without a second thought, I called up Hanif Farhan and Syawaludin and we rushed to Jonny's aid.

"My heart sank when I saw her in such a fragile state with injuries to her abdomen and legs.

"All we could think of was saving our best friend," he said, adding that they wrapped her in a blanket and rushed her to the Kota Tinggi government veterinary clinic.

"It was closed, so we knocked on the veterinarian's house door for help. He informed us that government veterinary clinics do not perform surgery.

"We ended up taking Jonny back to our police quarters and poured some iodine on her wounds," he said.

The following morning, the three policemen sent the wounded animal to a private veterinary clinic in Taman Kebun Teh.

Despite severe spinal injuries, the veterinarian said he could save Jonny's leg but the operation would cost thousands of ringgit.

The policemen agreed but faced another issue - a shortage of funds - so Kpl Faizdul reached out to social activist Kuan Chee Heng, bet-

ter known as Uncle Kentang, for some donations.

He said he did not expect Kuan to share their story on his Facebook or for Jonny's story to go viral, but felt touched by his help and the outpour of concern from Malaysians on social media.

"Jonny underwent her first surgery on June 1, which came up to more than RM2,000. She is expected to undergo another surgery in about a week's time as the veterinarian wanted to give her time to recover first.

"We are now raising more funds to add to the initial donations in preparation for her second surgery, which is expected to cost more than RM2,000 as well," he said, adding that he was also thankful for the discounts given by the veterinarian.

Jonny is now recuperating at his friend's farm in Kota Tinggi, he said, adding that they used some of the donations from Uncle Kentang to build a comfortable cage for her.

"I always educate my children to be caring towards animals. My wife has been quite concerned about Jonny's wellbeing too.

"We hope Jonny can recover and go back to being her bubbly and active self soon," Kpl Faizdul said.

When contacted, Kuan said he was only trying to highlight the friendship between Jonny and the policeman to spread some positive energy during these trying times.



Through thick and thin: Kpl Faizdul comforting Jonny as a veterinary worker explains the dog's injuries.

Akuaponik bertani tanpa tanah

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

PELAKSANAAN Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan buat kali ketiga pada kali ini mungkin sedikit berbeza dengan sebelumnya kerana ramai dalam kalangan kita sudah dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baharu.

Kebanyakan kita telah dapat membiasakan diri dengan suasana bekerja dari rumah.

Ini membolehkan kita meluangkan lebih masa di rumah untuk melakukan aktiviti bersama keluarga.

Antaranya termasuklah berkebun secara akuaponik.

Ini merupakan kaedah pertanian yang semakin popular dan mendapat perhatian banyak pihak di negara ini kerana dilakukan tanpa penggunaan tanah untuk menanam sayur-sayuran segar di kawasan rumah.

Pengasas Farm2Fork dan juga pekebun akuaponik, Dr. Richard Ng menjelaskan, berbeza dengan hidroponik, kaedah akuaponik adalah cara pertanian yang revolusioner dengan menggunakan sumber daya minimum untuk menghasilkan tanaman dan sayur-sayuran terbaik.

Menurutnya, ia merupakan kaedah pertanian yang menggabungkan akuakultur menggunakan ikan dan hidroponik yang mana hasilnya ditanam tanpa menggunakan tanah.

"Ekosistem perkebunan tanpa tanah ini memberi tumpuan kepada pemberian makanan kepada ikan yang ditemak.

"Setelah ikan-ikan ini menghasilkan sisa buangan, ia disaring dan diubah menjadi pemakanan tanaman yang kemudian disalurkan melalui paip ke dalam bekas biji benih agar dapat tumbuh dengan subur," jelasnya.

Keperluan utama yang harus ada untuk memulakan pertanian akuaponik adalah ikan dan bekasnya, ruang untuk membina kebun serta penapis air.

Kata Dr. Richard, keseimbangan

ekologi memainkan peranan besar dalam kejayaan kebun akuaponik.

Ujarnya, beberapa faktor yang menyumbang kepada perkembangannya termasuk nisbah ikan dengan air, spesies ikan ditemak serta suhu kebun.

"Bagi mereka yang baru berjinak-jinak dengan pertanian jenis ini, ikan tilapia disyorkan untuk ditemak," ujarnya.

Selepas lima tahun berusaha untuk mendapatkan proses terbaik untuk pertanian akuaponik, Dr. Richard akhirnya menemui komponen tepat untuk memastikan ekosistem seimbang bagi memastikan hasil terbaik.

Setelah melakukan beberapa kajian, dia mendapati penggunaan sistem penapisan air turut memainkan peranan penting dalam memastikan bidang akuaponik yang diceburinya memberikan hasil seperti yang diharapkan.

Ini kerana katanya, tanpa sistem penapisan yang betul, peredaran yang berlaku antara air, tanaman dan ikan gagal berfungsi dengan baik.

Untuk itu, dia menggunakan sistem penapisan air Waterco Malaysia kerana dapat mempercepatkan proses pertumbuhan tanaman tanpa mempengaruhi ekologi sistem, selain menjimatkan kos.

Tidak seperti pertanian tradisional, tanaman akuaponik tidak memerlukan siraman air secara konsisten.

"Setelah beberapa kegagalan diharungi, saya mendapati ia disebabkan kurangnya pengetahuan tentang asas pertanian akuaponik. Ini termasuk keluasan kebun serta jumlah ikan yang diperlukan.

"Semua ini memainkan peranan besar dalam mengembangkan kebun akuaponik yang berjaya dan mampan.

"Asalkan anda memahami sains di sebalik akuaponik, penjagaannya pasti tidak menjadi satu masalah besar," tegas Dr. Richard.



DR. RICHARD memeriksa menara sayurnya di kebun akuaponik miliknya.



KEBUN akuaponik tidak memerlukan ruang yang besar untuk dibangunkan.

KEBUN akuaponik Dr. Richard dipasang dengan sistem penapisan air Waterco Malaysia yang dapat mempercepatkan proses pertumbuhan tanaman.